

# Wabak bawaan air dikenal pasti

Sebanyak 20 kes Tifoid, 39 kes Leptospirosis dilaporkan sehingga kini

*Sinar Harian 11/08/2010 MIS S 26*

**HULU LANGAT** – Wabak Tifoid mula menyerang orang ramai di Sungai Congkak bermula awal tahun lalu dan sebanyak 20 kes sehingga tahun ini telah dilaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat (PKDHL).

Tahun lalu mencatatkan sebanyak 16 kes manakala empat kes lain dilaporkan pada Januari lalu, sebagai contoh, dalam enam kes dilaporkan tahun lalu empat daripada mereka yang dijangkiti mandi di sungai itu.

Wakil PKDHL telah memberi taklimat tentang wabak itu dan menyatakan penggunaan air sungai dan air bukit yang tidak dirawat boleh mengundang kepada jangkitan wabak itu, malah sebanyak empat kes dilaporkan pada Januari tahun ini.

Selain daripada penggunaan air tidak dirawat, keadaan tandas yang bocor dan

pengaliran air najis terus ke dalam sungai juga adalah salah satu punca berlakunya wabak berkenaan dan kelolaan Sungai Congkak itu adalah di bawah Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Pengerusi Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar berkata, beliau telah menerima laporan daripada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat (PT-DHL) dan PKDHL berkaitan wabak itu.

Xavier berkata, taklimat yang diadakan itu adalah bagi mendapat penerangan dan pandangan jelas terhadap wabak yang melanda dua kawasan rekreasi dan sebuah sekolah itu.

“Isu tersebut amat penting dan saya tidak mahu kita hanya terus menunggu se-

hingga wabak berjangkit teruk dan tidak dapat dielakkan berikutan adalah lebih baik kita dapat mencegah daripada melakukan rawatan.

“Sungai Congkak adalah salah satu kawasan yang terbuka kepada orang ramai yang ingin melakukan aktiviti riadah dan melancong tetapi terdapat wabak yang melanda kawasan ini seperti Tifoid,” katanya selepas sesi taklimat berkaitan kedua wabak itu di Sungai Congkak.

Xavier berkata, wabak Tifoid adalah penyakit yang berpunca daripada air dan di kawasan Sungai Congkak itu terdapat banyak chalet yang diusahakan 18 pengusaha berbeza.

Justeru katanya, jawatankuasa yang telah ditubuhkan dan diketuai pegawai daerah perlu diaktifkan semula bagi membincangkan permasalahan itu.



■ Xavier melawat kawasan sungai di mana wabak Leptospirosis berlaku.